

PM jawab kenyataan Dr Lim Keng Yaik

# Biar Gerakan tanding sendiri

BH 31 MAY 1986

Oleh AHMAD PUAD ONAH

**JITRA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional sedia melihat Parti Gerakan bertanding menggunakan lambangnya sendiri dalam pilihanraya umum akan datang.**

“Kalau Gerakan hendak bertanding atas lambangnya sendiri, biarlah dan kita akan lihat.

“Biarlah Gerakan keluar (daripada Barisan Nasional) dan bertanding sendiri,” kata Perdana Menteri ketika ditemui oleh wartawan di majlis berbuka puasa dan Nuzul al-Quran di Siputeh, dekat sini malam ini.

Kira-kira 1,000 umat Islam dari kawasan Parlimen Kubang Pasu menghadiri majlis itu, termasuk Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali; Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff dan Ahli Exco Negeri, Haji Hanafi Ramli.

Presiden Gerakan, Datuk Dr Lim Keng Yaik, Sela-sa lalu berkata partinya akan bertanding menggunakan lambangnya sendiri dalam pilihanraya umum akan datang jika ia tidak mendapat peruntukan kerusi ‘yang adil’.

Beliau berkata, pertandingan bebas adalah lebih baik bagi parti-parti anggota Barisan Nasional jika mereka tidak dapat menyelesaikan perbalahan mengenai pembahagian kerusi.

Gerakan dikatakan akan meminta tambahan empat lagi kerusi Parlimen dan lapan kerusi Dewan Undangan Negeri dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dijangka diadakan bulan depan.

Laporan hari ini menyebut sumber-sumber sebagai berkata, Gerakan dan PPP mungkin menemui Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Berjasa yang juga dipercayai tidak puas hati dengan peruntukan kerusi kepada parti komponen BN.

Datuk Dr Lim dikatakan sudah mengadakan perbincangan tidak rasmi dengan pemimpin-pemimpin parti berkenaan. Bagaimanapun, belum ada keputusan dibuat.

Mengenai rancangan Pas hendak mewujudkan Majlis Penasihat Cina (CCC) di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, parti itu boleh berbuat apa sahaja.

“Kita tahu apa niat Pas. Kita mahu tengok apa yang ada dalam fikiran mereka mengenai hak keistimewaan orang Melayu,” katanya.

Pas dijangka menuhkan sebuah Majlis Penasihat Cina dalam perjumpaan antara pemimpin parti itu dan masyarakat Cina di Kubang Pasu minggu depan.